



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PERILAKU DISERIKATI



PANDUAN

Penyediaan dan Penilaian

LAPORAN

PENILAIAN KENDIRI

PROGRAM

(Programme Self-Review Report)

PSRR

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



Panduan Penyedian dan Penilaian Laporan Penilaian Kendiri Program
(Programme Self-Review Report (PSRR)) 2022

Senarai Isi Kandungan

Muka Surat

Senarai Isi Kandungan	i
Glosari	ii
Infografik Panduan	iii
1. Panduan Penyediaan Laporan Penilaian Kendiri Program (PSRR) oleh FAKULTI/SEKOLAH	
➤ Tujuan Panduan	1
➤ Apakah PSRR ?	1
➤ Apakah Tujuan PSRR?	1
➤ Apakah Kategori PSRR?	2
➤ Bilakah PSRR Perlu Disediakan ?	2
➤ Siapakah Yang Perlu Menyediakan PSRR?	2
➤ Bagaimanakah Proses Penilaian Kendiri Program?	3
➤ Apakah Format PSRR?	3
➤ Apakah Kandungan PSRR?	4
➤ Fokus dan Contoh Data Maklumat Mengikut Bidang ?	5
➤ Apakah Pelan Tindakan Dalam Menyediakan PSRR ?	9
2. Panduan Penilaian Laporan Penilaian Kendiri Program (PSRR) oleh PANEL PENILAI AUDIT PROGRAM	
➤ Tujuan Panduan	10
➤ Apakah Yang Perlu Dinilai Dalam PSRR?	10
➤ Apakah Tanggungjawab Panel Penilai Dalam Menilai PSRR?	10
Rujukan	11
Lampiran 1 : Templet PSRR	12
Lampiran 2 : Penerangan Skala Penilaian Kendiri	13

Disediakan oleh :
Bahagian Pengurusan Kualiti Akademik & Akreditasi, Pusat Jaminan Kualiti UPM (cqa@upm.edu.my)
Edisi Kedua : Oktober 2022

GLOSARI

Laporan Penilaian Kendiri Program atau *Program Self-Review Report (PSRR)*

Laporan yang dihasilkan berdasarkan penilaian kendiri secara dalaman yang dilaksanakan oleh fakulti/sekolah ke atas sesuatu program dengan mengenalpasti keadaan semasa program, mengambil kira kekuatan program, ruang penambahbaikan termasuk penyesuaian dengan keperluan dalaman atau luaran sesebuah institusi

PSRR untuk Akreditasi

PSRR untuk tujuan akreditasi ini **WAJIB** disediakan bagi memenuhi keperluan penilaian **Akreditasi Penuh** dan **Audit Pengekalan** bagi memastikan bahawa penambahbaikan berterusan dibuat di peringkat fakulti/sekolah yang menawarkan program.

PSRR Interim

PSRR yang amat digalakkan untuk disediakan sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) tahun untuk rujukan diperingkat jabatan dan sebagai persediaan pengumpulan data dan maklumat untuk tujuan akreditasi.

Penulisan Kritikal

Menulis dengan menganalisis data dan maklumat dengan menekankan kenyataan yang sangat baik mahupun yang tidak mencapai tahap yang diharapkan.

Penulisan Analitikal

Menulis dengan membuat penilaian perbandingan pencapaian sekarang dengan yang terdahulu bagi menentukan tahap prestasi dan pencapaian yang menaik atau menurun.

Penulisan Deskriptif

Menulis dengan menjelas dan mengurai pendapat dan pandangan mengenai situasi program akademik berdasarkan pada data dan maklumat dari pemegang taruh yang dirujuk.

Penulisan Reflektif

Menulis dengan menilai, menganalisis dan seterusnya membuat cadangan dan tindakan untuk menambah baik pelaksanaan program.

INFOGRAFIK PSRR



LAPORAN PENILAIAN KENDIRI PROGRAM *Programme Self-Review Report* **(PSRR)**

Apa itu **PSRR** ?

Penilaian kendiri dalaman sesuatu program pengajian dengan mengenalpasti keadaan semasa dan kekuatan program, ruang penambahbaikan serta penyesuaian dengan keperluan dalaman atau/dan luaran universiti



- Rujuk portal e-ISO UPM :
- Panduan PSRR UPM
 - Templet PSRR (dalam borang MQA-02)

INFOGRAFIK PSRR

KATEGORI ?

1 PSSR Akreditasi

WAJIB untuk keperluan Akreditasi Penuh & Audit Pengekalan (Borang MQA-02)

2 PSSR Interim

DIGALAKKAN sekali (1) setiap dua (2) tahun dan disimpan di Fakulti/Sekolah

- PSRR untuk setiap tujuh (7) bidang penilaian

SIAPA ?

Jawatankuasa yang dilantik perlu menyediakan PSRR

PROSES ?



FORMAT ?

PSRR program WAJIB menyatakan :

- Kekuatan;
- Strategi mengekal & meningkatkan kekuatan;
- Perkara yang perlu diberi perhatian (isu/cabaran);
- Langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu/cabaran serta impak pelaksanaan;
- Cadangan penambahbaikan;
- Kesimpulan dengan menyatakan refleksi kendiri

CIRI – CIRI ?

PSRR merupakan penulisan yang

- Kritikal
- Analitikal
- Deskriptif
- Reflektif

(Rujuk perincian dalam Panduan PSRR UPM)

FOKUS & DATA ?

Contoh fokus, data dan maklumat boleh dirujuk dalam **PANDUAN PSRR UPM**



Panduan

**PENYEDIAAN
Laporan Penilaian Kendiri Program (PSRR)**

oleh

FAKULTI / SEKOLAH





PANDUAN PENYEDIAAN

LAPORAN PENILAIAN KENDIRI PROGRAM

(PROGRAMME SELF-REVIEW REPORT (PSRR))

oleh FAKULTI/SEKOLAH

1. Tujuan Panduan

1.1 Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan umum kepada fakulti/sekolah dalam menyediakan **Laporan Penilaian Kendiri Program (Programme Self-Review Report (PSRR))** bagi memenuhi keperluan akreditasi program.

2. Apakah PSRR ?

2.1 **Laporan Penilaian Kendiri Program** atau **PROGRAMME SELF-REVIEW REPORT (PSRR)** merupakan **satu laporan** yang dihasilkan berdasarkan **penilaian kendiri secara dalaman** yang dilaksanakan oleh fakulti/sekolah ke atas sesuatu program dengan mengenal pasti **keadaan semasa program**, mengambil kira **kekuatan program, ruang penambahbaikan** termasuk **penyesuaian dengan keperluan dalaman atau luaran** sesebuah institusi. (*Rujuk Garis Panduan Amalan Baik : Pemantauan, Penyemakan dan Penambahbaikan Kualiti Institusi Berterusan, 3.4.4, Muka surat 54*).

2.2 **Penilaian kendiri ini mestilah difahami dan diterima oleh semua yang terlibat** dalam pelaksanaan program berkenaan, agar segala hasil dan implikasinya dapat diambil tindakan. Penilaian kendiri ini hendaklah **dilaksanakan secara berkala** oleh program bagi memastikan kualiti program sentiasa dipantau dan dipertingkatkan.

2.3 Keperluan penyediaan PSRR ini merupakan salah satu keperluan untuk tujuan penilaian Akreditasi Penuh dan Audit Pengekalan. (*Rujuk COPPA Edisi Kedua, 2017, 4.1. The Programme Self-Review, Muka surat 60*).

3. Apakah Tujuan PSRR ?

3.1 PSRR bertujuan untuk :

- Memastikan suatu analisis dan penilaian dibuat** terhadap program dan **menyemak keberkesanan pelaksanaan perancangan tindakan** supaya program berjaya mencapai matlamatnya;
- Mengenal pasti kekuatan program melebihi keperluan standard** dan aspek yang **memerlukan perhatian** bagi mengenal pasti ruang penambahbaikan;
- Mengenal pasti dan merancang langkah peningkatan kualiti program** semasa semakan semula kurikulum program.

4. Apakah Kategori PSRR?

4.1 Terdapat **dua (2) kategori PSRR** yang perlu disediakan oleh fakulti/sekolah iaitu :

(a) **PSRR untuk tujuan akreditasi**

- i. PSRR untuk tujuan akreditasi ini **WAJIB** disediakan bagi memenuhi keperluan penilaian **Akreditasi Penuh** dan **Audit Pengekalan** bagi memastikan bahawa penambahbaikan berterusan dibuat di peringkat fakulti/sekolah yang menawarkan program. (*Rujuk COPPA Edisi Kedua, 2017, 4.1. The Programme Self-Review, Muka surat 60*).
- ii. PSRR ini merupakan **sebahagian daripada keperluan dalam penyediaan dokumen program** dan ianya **MESTI** diletakkan di akhir setiap tujuh (7) bidang penilaian dalam COPPA.

(b) **PSRR Interim**

- i. PSRR Interim ini bertujuan untuk pemantauan berkala ke atas program di peringkat fakulti/sekolah. Dokumen yang disediakan adalah secara berasingan daripada dokumen program.
- ii. **Penyediaan PSRR Interim dilihat dapat membantu program memastikan maklumat dan bukti berkaitan program didokumen, dikemaskini, direkodkan dan dibuat analisis secara berkala dan seterusnya memudahkan capaian** untuk kegunaan dan rujukan program bagi tujuan penyediaan PSRR untuk penilaian akreditasi atau laporan kepada pihak lain yang memerlukan.

5. Bilakah PSRR Perlu Disediakan ?

PSRR untuk tujuan akreditasi

5.1 Penyediaan PSRR untuk tujuan akreditasi adalah dalam tempoh **empat (4) atau lima (5) tahun sekali**.

PSRR Interim

5.2 Mengambil kira penyediaan PSRR ini melibatkan **proses pengumpulan dan analisis data**, oleh itu, fakulti/sekolah **amat digalakkan** untuk menyediakan PSRR Interim secara berkala iaitu **sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) tahun**.

5.3 **PSRR Interim ini** perlu disimpan/direkodkan di fakulti untuk rujukan di peringkat fakulti/sekolah serta sebagai laporan pencapaian program yang tersedia untuk dikongsikan kepada sesiapa yang berkaitan (jika diperlukan) contohnya pemegang taruh luaran iaitu industri.

6. Siapakah Yang Perlu Menyediakan PSRR?

6.1 Dicadangkan program **membentuk atau menentukan jawatankuasa (JK)** khusus dalam menyediakan PSRR ini. Ahli JK ini mestilah terdiri daripada **mereka yang berkemampuan membuat penilaian yang objektif dan berkebolehan memberi maklumat yang berguna tentang program** berkenaan. Keahlian boleh terdiri daripada ketua jabatan, ketua atau penyelaras program, staf akademik kanan atau baru dan staf pentadbiran atau sesiapa sahaja

yang ada hubungan dengan program berkenaan. (*Rujuk COPPA Edisi Kedua, 2017, 4.2 The Programme Self-Review Commitee, Muka surat 61*).

6.2 Jawatankuasa mestilah diketuai oleh seorang **Pengerusi JK** yang bertanggungjawab menyelaras kerja-kerja pengumpulan dan pemprosesan data secara sistematik, memantau isu yang timbul semasa penyediaan pangkalan data, menyediakan versi akhir pangkalan data yang seragam, menyelaras laporan analisis kendiri dan penulisan laporan PSRR. Dicadangkan **seorang ahli dalam JK sebagai ketua bagi setiap bidang penilaian** iaitu seseorang yang berpengetahuan dalam bidang tersebut. (*COPPA Edisi Kedua, 2017, 4.2 The Programme Self-Review Commitee, muka surat 61*).

6.3 Walau bagaimanapun, **program akan diberikan autonomi sepenuhnya** dalam menentukan keterlibatan individu, penentuan JK serta terma rujukan terperinci dalam menyediakan PSRR masing-masing.

7. Bagaimakah Proses Penilaian Kendiri Program ?

7.1 Dalam menyediakan PSRR ini, Jawatankuasa (rujuk kenyataan 6.1) bertanggungjawab melaksanakan proses berikut :

(a) **Pengumpulan data**

- Merujuk dan menyemak dokumen program sedia ada;
- Mengumpul data dari pelbagai sumber yang boleh memberikan deksripsi berfakta sebagai refleksi terhadap program;
- Memastikan ketepatan, keterkinian dan konsistensi data atau maklumat yang diperolehi;
- Menyatakan rujukan atau sumber data yang perlu dilampirkan atau ditunjukkan sebagai bukti.

(b) **Analisis data**

- Membuat analisis kritikal yang objektif dan berkesan berdasarkan penilaian terhadap data yang telah dikumpul;
- Jawatankuasa dicadang untuk membuat analisis kekuatan, kelemahan dan peluang penambahbaikan serta membuat penilaian berdasarkan standard kualiti terkini.

(c) **Penulisan laporan**

- Pengerusi jawatankuasa perlu membuat rumusan berdasarkan penemuan;
- Laporan perlu memfokus kepada dasar, proses, dokumentasi, kekuatan dan kelemahan berkaitan program.

(Rujuk COPPA Edisi Kedua, 2017, 4.2.1 The Programme Self-Review Process, Muka surat 62).

8. Apakah Format PSRR ?

PSRR untuk tujuan akreditasi

8.1 Dalam menyediakan PSRR, program perlu memastikan perkara berikut :

- (a) PSRR hendaklah ditulis bagi **setiap tujuh (7) bidang penilaian dalam COPPA 2.0** iaitu pada akhir setiap bidang dalam dokumen program bagi tujuan serahan untuk

- Akreditasi Penuh dan Audit Pengekalan** (rujuk templet borang MQA-02 di laman web CQA);
- (b) PSRR bagi setiap bidang penilaian hendaklah menyatakan :
- (i) **Kekuatan** program dalam bidang penilaian berkenaan;
 - (ii) **Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan** di perkara (i);
 - (iii) **Perkara yang perlu diberi perhatian (isu/cabaran)** dalam bidang penilaian berkenaan;
 - (iv) **Langkah yang telah diambil** untuk **mengatasi isu/cabaran serta impak pelaksanaan langkah** di perkara (iii);
 - (v) **Cadangan untuk penambahbaikan** bagi mempertingkat kualiti bidang penilaian berkenaan;
 - (vi) **Kesimpulan dengan menyatakan refleksi kendiri**

(Rujuk COPPA Edisi Kedua, 2017, 4.2.2. Guidelines to Writing the Programme Self-Review Report, Muka surat 63)

PSRR Interim

8.2 Dalam menyediakan PSRR Interim, program perlu memastikan perkara berikut :

- (a) PSRR untuk **ketujuh- tujuh (7) bidang penilaian dalam COPPA 2.0.;**
- (b) Tiada format spesifik untuk PSRR Interim ini, walau bagaimanapun perlu menyatakan perkara berikut dalam penulisan kendiri bagi setiap bidang penilaian :
 - (i) **Kekuatan** program dalam bidang penilaian berkenaan;
 - (ii) **Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan** di perkara (i);
 - (iii) **Perkara yang perlu diberi perhatian (isu/cabaran)** dalam bidang penilaian berkenaan;
 - (iv) **Langkah yang telah diambil** untuk **mengatasi isu/cabaran serta impak pelaksanaan langkah** di perkara (iii);
 - (v) **Cadangan untuk penambahbaikan** bagi mempertingkat kualiti bidang penilaian berkenaan; dan
 - (vi) **Kesimpulan dengan menyatakan refleksi kendiri.**

9. Apakah Kandungan PSRR ?

9.1 Ciri-ciri utama PSRR adalah ianya merupakan penulisan yang **kritikal, analitikal, deskriptif dan reflektif** :

- (a) **Kritikal** iaitu menulis dengan menganalisis data dan maklumat dengan menekankan kenyataan yang sangat baik mahupun yang tidak mencapai tahap yang diharapkan.
- (b) **Analitikal** iaitu membuat penilaian perbandingan pencapaian sekarang dengan yang terdahulu bagi menentukan tahap prestasi dan pencapaian yang menaik atau menurun.
- (c) **Deskriptif** iaitu penjelasan dan penguraian pendapat dan pandangan mengenai situasi program akademik berdasarkan pada data dan maklumat dari pemegang taruh yang dirujuk.
- (d) **Reflektif** iaitu menilai, menganalisis dan seterusnya membuat cadangan dan tindakan untuk menambah baik pelaksanaan program.

- 9.2 Kandungan penulisan PSRR juga hendaklah mengambil kira perkara berikut iaitu :
- Cadangan penambahbaikan harus diberi keutamaan** dan dikemukakan secara ringkas dan padat;
 - Setiap pernyataan hendaklah **disokong dengan bukti pelaksanaan** dan **analisis** dengan menggunakan pelbagai **sumber data** (contohnya laporan penilaian luar, alumni, majikan termasuk pelajar) serta **rujukan terkini yang relevan** dengan **program dan institusi**;
 - Perlu meliputi pelan tindakan, semakan atau tindakan terdahulu dan yang terkini** bagi memastikan kesinambungan proses, keberkesanan tindakan dan penghasilan output;
 - Sentiasa **berpandukan soalan** berikut dalam menyediakan PSRR iaitu:
 - Adakah semua **maklumat dan dokumen** yang digunakan untuk menjelaskan hasil penilaian adalah **mencukupi** bagi tujuan mencapai matlamat kualiti program yang diperlukan?
 - Adakah segala maklumat dan dokumen rujukan yang menyokong sistem kualiti program yang diperlukan **boleh didapati, difahami dan digunakan** dalam pelaksanaan program?
 - Apakah **bukti** yang diperlukan bagi mengesahkan kenyataan atau penjelasan dalam pelaporan.
 - TIDAK** mengandungi sebarang ulasan tentang individu tertentu, kes terpencil atau andaian, sama ada positif maupun negatif.
 - TIDAK** terlalu terperinci, seperti menerangkan segala kekuatan yang mungkin dan menghurai implikasi yang belum pasti. Memadai ia **menumpukan perhatian kepada amalan terbaik program dan pengiktirafan** berdasarkan standard serta sumbangan kepada **matlamat strategik institusi**.

10. Fokus dan Contoh Data/Maklumat Mengikut Bidang ?

10.1 Dalam menyediakan PSRR ini, program dicadang untuk memfokus kepada keperluan utama standard dalam bidang berkenaan seperti berikut. Program juga amat digalakkan untuk mengemukakan perkara/isu lain yang difikirkan bersesuaian dan memberi impak kepada program.

Bidang Penilaian dalam COPPA	Contoh Fokus dan Data/Input
BIDANG 1 Pembangunan dan Penyampaian Kurikulum	<p>1. Huraikan proses pembangunan dan penilaian PEO (Matlamat Pendidikan Program) termasuk dan tidak terhad kepada :</p> <ol style="list-style-type: none"> Penunjuk prestasi; Instrumen penilaian; Pencapaian pelajar; Aktiviti CQI (Penambahbaikan berterusan); dan Penglibatan pihak berkepentingan <p>2. Huraikan kaedah penilaian PO (Hasil Pembelajaran Program) yang diguna pakai dengan menunjukkan perkara berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> Di mana setiap PO dinilai? Bagaimana setiap PO dinilai? Adakah pencapaian PO memuaskan? <p>3. Huraikan strategi CQI yang dilaksanakan berkaitan PO dengan membandingkan pencapaian yang lalu dan jangkaan untuk masa hadapan?</p>

Bidang Penilaian dalam COPPA	Contoh Fokus dan Data/Input
	<p>4. Apakah langkah yang diambil untuk mengatasi sebarang kekurangan?</p> <p>5. Terangkan skim latihan industri dan bagaimana PO dinilai semasa latihan industri. Terangkan skim latihan industri dan kaitkan dengan PO menggunakan contoh yang sesuai. Penjelasan bagi menunjukkan keberkesanan latihan industri dalam pencapaian PO adalah digalakkan.</p> <p>6. Terangkan bagaimana PO bagi Projek Tahun Akhir (FYP) dinilai dan cara FYP memenuhi keperluan khusus yang ditetapkan dalam standard.</p> <p>7. Huraikan sejauh mana pelbagai pihak berkepentingan program terlibat dalam proses pembangunan dan semakan kurikulum.</p> <p>8. Huraikan strategi CQI yang akan dilaksanakan berhubung dengan Kurikulum Akademik. Bincangkan kelemahan dan tindakan penambahbaikan yang diambil kira dalam pembangunan kurikulum akademik.</p> <p>9. Terangkan bagaimana laporan penanda aras dan maklum balas daripada pihak berkepentingan (dalaman dan luaran) telah menambahbaik kurikulum program</p> <p>CONTOH DATA/INPUT</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dapatan pencapaian PEO, PO, pengukuran dan pencapaian CLO • Keputusan pelajar, kadar keciciran dan jumlah pelajar bergraduat • Data Kebolehpasaran Graduan, Penilai Luar, <i>Exit Survey</i>, Kajian Pasaran, <i>Employer Survey</i>, Alumni, Penandaarasan dan Keperluan semasa Bidang • Dapatan audit program terdahulu • Polisi terkini (Senat, JPT, MQA)
BIDANG 2 Penilaian Pembelajaran Pelajar	<p>1. Bincangkan pemantauan, semakan semula dan keberkesanan penilaian pelajar.</p> <p>2. Huraikan strategi CQI yang akan dilaksanakan berhubung dengan penilaian pelajar.</p> <p>3. Huraikan bagaimanakah Fakulti/Sekolah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. memastikan penilaian yang dilaksanakan dapat menilai PO yang ditetapkan ii. menganalisis pencapaian penilaian dan menggunakan analisis tersebut dalam merangka tindakan untuk masa hadapan iii. merancang untuk meningkatkan kualiti kaedah dan kemahiran penilaian dalam kalangan tenaga akademik

Bidang Penilaian dalam COPPA	Contoh Fokus dan Data/Input
	<p><u>CONTOH DATA/INPUT</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Prosedur berkaitan proses penilaian (moderasi dan pengendalian isu plagiat) • Maklumat pengiktirafan yang diberikan terhadap program • Maklum balas Penilaian Pengajaran
BIDANG 3 Pemilihan Pelajar dan Khidmat Sokongan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bincangkan pematuhan syarat pemilihan dan saiz pengambilan pelajar serta keberkesanan khidmat sokongan pelajar 2. Huraikan Tindakan dan strategi untuk meningkatkan kecekapan khidmat sokongan bagi pelaksanaan program 3. Analisis strategi meningkatkan pengambilan pelajar berkualiti , pelajar program T20 dan keboleh suaian syarat kemasukan untuk menarik kemasukan pelajar antarabangsa <p><u>CONTOH DATA/INPUT</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Syarat kelayakan masuk program • Demografi pelajar • Data pelajar menerima anugerah/pengiktirafan
BIDANG 4 Staf Akademik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bincangkan bagaimana keseluruhan beban kerja staf membolehkan pengajaran berkesan, interaksi pelajar-kakitangan, nasihat dan kaunseling pelajar, dan aktiviti penyelidikan, pembangunan profesional dan interaksi dengan industri. 2. Analisis aspek perancangan pelan penggantian, analisis demografi, nisbah pelajar: staf akademik mengikut tahun untuk semua tahun akademik selama empat (4) tahun yang lalu. 3. Menganalisis pencapaian staf akademik dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan, penerbitan dan perundingan dalam meningkatkan program akademik. <p><u>CONTOH DATA/INPUT</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nisbah staf akademik:pelajar, peratus staf akademik dengan PhD, pelan penggantian dan program latihan • Data pencapaian staf akademik menerima pengiktirafan dalam pengajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat
BIDANG 5 Sumber Pendidikan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bincangkan kecukupan kemudahan PdP seperti bilik kuliah, kemudahan sokongan pembelajaran, sumber maklumat (perpustakaan), sistem ICT, makmal serta peruntukan kewangan untuk memenuhi keperluan PdP program. 2. Bincangkan plan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi kekurangan sumber pendidikan, jika ada.

Bidang Penilaian dalam COPPA	Contoh Fokus dan Data/Input
	<p>3. Perancangan masa hadapan bagi memastikan kecukupan sumber pendidikan dan berdaya maju untuk pelaksanaan kurikulum yang dinamik.</p> <p><u>CONTOH DATA/INPUT</u></p> <p>Data fasiliti (bilik kuliah, makmal, ICT) untuk pengajaran dan penyelidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Data sumber kewangan • Maklumat pengiktirafan terhadap fasiliti yang disediakan
BIDANG 6 Pengurusan Program	<p>1. Huraikan strategi pengurusan sumber manusia dan infrastruktur berkaitan program</p> <p><u>CONTOH DATA/INPUT</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Struktur pengurusan/jawatankuasa dan peranan • Data staf pentadbiran dan program latihan staf • Maklumat pengiktirafan terhadap pengurusan pentadbiran program/PTJ
BIDANG 7 Semakan, Pemantauan Program dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI)	<p>1. Bincangkan keberkesanan pemantauan dan semakan program</p> <p>2. Menganalisis prestasi sistem PdP seperti PutraBlast, iGIMS, eSMP dll.</p> <p>3. Huraikan proses CQI yang khusus berkaitan program yang dilaksanakan oleh fakulti/sekolah.</p> <p>4. Bincangkan keberkesanan strategi CQI dalam penambahbaikan pengurusan, keputusan, pengajaran dan kualiti graduan program.</p> <p><u>CONTOH DATA/INPUT</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Data perancangan semakan dan pemantauan serta kaedah mekanisma semakan, pemantauan dan proses CQI berkala di peringkat jabatan dan fakulti • Data Penilaian Pengajaran (TA)


* Rujuk ***lampiran 2*** untuk penerangan skala bagi penilaian kendiri untuk setiap bidang.

- 10.2 Program juga WAJIB membuat penilaian kendiri PSRR bagi setiap bidang dengan merujuk kepada skala sebagaimana di ***lampiran 2***.
- 10.3 Keperluan data/input dan fokus yang dinyatakan adalah **TIDAK TERHAD** kepada contoh data/input yang disenaraikan dan juga **TIDAK TERHAD** kepada bidang yang dinyatakan.

11. Apakah Pelan Tindakan Dalam Menyediakan PSRR ?

11.1 Berikut merupakan cadangan pelan tindakan untuk fakulti/sekolah menyediakan PSRR program :





Panduan

PENILAIAN
Laporan Penilaian Kendiri Program (PSRR)
oleh
PANEL PENILAI





**PANDUAN PENILAIAN
LAPORAN PENILAIAN KENDIRI PROGRAM
(PROGRAMME SELF-REVIEW REPORT (PSRR))
oleh PANEL PENILAI AUDIT PROGRAM**

1. Tujuan Panduan

1.1 Panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada panel penilai dalam audit program dalam membuat penilaian ke atas **Laporan Penilaian Kendiri Program PROGRAMME SELF-REVIEW REPORT (PSRR)**.

2. Apakah Yang Perlu Dinilai Dalam PSRR?

2.1 Bagi memastikan penilaian PSRR yang tepat dan berkesan, panel penilai **WAJIB** memahami **tujuan, kategori, format dan keperluan sebenar PSRR** sebagaimana yang diperincikan dalam panduan ini pada bahagian **Panduan Penyediaan Laporan Penilaian Kendiri Program (PSRR)** oleh **Fakulti/Sekolah** pada muka surat 8 hingga 16.

2.2 Panel penilai **HANYA** perlu **menilai PSRR yang disediakan bagi tujuan akreditasi** sahaja iaitu untuk keperluan **Akreditasi Penuh** dan **Audit Pengekalan**.

3. Apakah Tanggungjawab Panel Penilai dalam Menilai PSRR?

3.1 Panel penilai dalam perlu:

- Memikirkan soalan** berikut semasa membuat penilaian;
 - Adakah semua **maklumat dan dokumen** yang digunakan untuk menjelaskan hasil penilaian adalah **mencukupi** bagi tujuan mencapai matlamat kualiti program yang diperlukan?
 - Apakah **tindakan yang dilaksanakan atau dicadangkan** dapat mengatasi kelemahan atau masalah yang dihadapi, melangkaui standard atau keperluan minima institusi?
 - Adakah segala maklumat dan dokumen rujukan yang menyokong sistem kualiti program yang diperlukan **boleh didapati, difahami dan digunakan** dalam pelaksanaan program?
 - Apakah **bukti** yang diperlukan bagi mengesahkan kenyataan atau penjelasan dalam pelaporan.
- Memberi ulasan dari aspek penulisan penilaian program secara kritikal, analitikal, deskriptif dan reflektif;**
- Mengemukakan ulasan atau komen yang membina terhadap aspek dan kandungan rancangan program** untuk perubahan, penambahbaikan dan inovasi yang telah dilaksanakan dalam mencapai matlamat program mengikut standard yang ditetapkan;
- Memberi pujian/penghargaan** terhadap segala tindakan positif dan berkesan yang telah dilaksanakan oleh program;
- Memberi cadangan penambahbaikan yang objektif dan konstruktif** bagi kebaikan program.

Sumber Rujukan :

1. *Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)) (Edisi Kedua, 2017), Agenzia Kelayakan Malaysia*
[\(https://www2.mqa.gov.my/qad/garis panduan/COPPA/2019/Oct/26092019%20CLEAN%20COPPA%202nd%20Edition%20\(2017\).pdf\)](https://www2.mqa.gov.my/qad/garis panduan/COPPA/2019/Oct/26092019%20CLEAN%20COPPA%202nd%20Edition%20(2017).pdf)
2. *Garis Panduan Amalan Baik : Pemantauan, Penyemakan dan Penambahbaikan Kualiti Institusi Berterusan, 2014, Agenzia Kelayakan Malaysia*
[\(https://www2.mqa.gov.my/qad/garis panduan/2017/GGP%20MR_CIIQ%20\(BM\).upload%20website%202013.10.17.pdf\)](https://www2.mqa.gov.my/qad/garis panduan/2017/GGP%20MR_CIIQ%20(BM).upload%20website%202013.10.17.pdf)

TEMPLLET PROGRAMME SELF-REVIEW REPORT (PSRR)

1. TEMPLET PSRR UNTUK TUJUAN AKREDITASI

Mohon rujuk dan gunakan templet yang telah disediakan dalam Borang MQA-02 dalam laman e-ISO UPM pada Modul Swaakreditasi < Audit Program.

2. TEMPLET PSRR INTERIM

PROGRAMME SELF- REVIEW REPORT (PSRR)

Program :

Fakulti :

Tarikh disediakan :

PSRR: AREA(Perlu dibuat untuk setiap bidang penilaian)

- 1) **Kekuatan** program dalam bidang penilaian berkenaan
(Aktiviti / tindakan yang dilaksanakan melebihi tahap kepatuhan/minima yang ditetapkan oleh standard, aktiviti/tindakan yang merupakan best practices, aktiviti/tindakan yang telah mendapat penghargaan/pengiktirafan)
- 2) **Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan** di perkara 1
(Apakah pelan tindakan bagi memperkuuh kekuatan?)
- 3) **Perkara yang perlu diberi perhatian (isu/cabar)** dalam bidang penilaian berkenaan
(Isu yang diletakkan sebagai syarat / penambahbaikan di dalam audit terdahulu, Isu yang dibangkitkan di dalam audit terdahulu, Isu yang dikenal pasti semasa pelaksanaan kurikulum)
- 4) **Langkah yang telah diambil** untuk mengatasi isu/cabar serta impak pelaksanaan langkah di perkara 3;
(Apakah tindakan yang diambil ? Mengapa tindakan tersebut dipilih? Apakah langkah pelaksanaan tindakan? Apakah kesan tindakan yang diambil? Bagaimanakah kesan tindakan diukur? Apakah bukti pelaksanaan/kesan?)
- 5) **Cadangan untuk penambahbaikan** bagi mempertingkat kualiti bidang penilaian berkenaan
(Apakah cadangan/ idea penambahbaikan di masa hadapan? Apakah cadangan pilihan yang ada sebagai langkah berjaga-jaga? Bagaimanakah untuk mengekalkan kesan positif yang diperolehi?)
- 6) **Kesimpulan dengan menyatakan refleksi kendiri**
(rumusan atau refleksi kendiri terhadap perkara 1 hingga 5)
- 7) **Penilaian Kendiri**

Skala	Keterangan	Tandakan (✓) berdasarkan penilaian kendiri program
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major	
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor	
3	Mencukupi	
4	Lebih dari mencukupi	
5	Contoh Amalan Terbaik	

***SKALA PENARAFAN UNTUK PENILAIAN KENDIRI PSRR MENGIKUT BIDANG**

Arahan : Penilaian Kendiri ini **WAJIB** diisi oleh program bagi setiap bidang penilaian (pengisian penilaian dibuat dalam templet borang MQA 02 UPM yang disediakan.)

Skala	Keterangan
1	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan major <ul style="list-style-type: none"> ● Amalan jaminan kualiti untuk memenuhi kriteria masih dalam perancangan ● Terdapat dokumen sokongan tetapi tidak mencukupi ● Prestasi/pencapaian amalan jaminan kualiti sangat lemah
2	Belum mencukupi dan perlu penambahbaikan minor <ul style="list-style-type: none"> ● Amalan jaminan kualiti untuk memenuhi kriteria telah dilaksanakan tetapi belum mencukupi ● Terdapat dokumen sokongan tetapi tiada bukti pelaksanaan ● Prestasi/pencapaian amalan jaminan kualiti lemah dan tidak konsisten
3	Mencukupi <ul style="list-style-type: none"> ● Amalan jaminan kualiti telah memenuhi kriteria ● Dokumen sokongan lengkap dan ada bukti pelaksanaan ● Prestasi/pencapaian amalan jaminan kualiti baik dan konsisten
4	Lebih dari mencukupi <ul style="list-style-type: none"> ● Amalan jaminan kualiti cemerlang ● Dokumen sokongan lengkap dan pelaksanaan efisien ● Prestasi/pencapaian amalan jaminan kualiti sangat baik
5	Contoh Amalan Terbaik <ul style="list-style-type: none"> ● Amalan jaminan kualiti yang mencapai tahap amalan terbaik dalam bidang ● Dokumen sokongan lengkap dan pelaksanaan yang berkesan ● Prestasi/pencapaian amalan jaminan kualiti cemerlang dan menunjukkan peningkatan berterusan



**Panduan Penyedian dan Penilaian Laporan Penilaian Kendiri Program
(Programme Self-Review Report (PSRR)) 2022**

Disediakan oleh :
Bahagian Pengurusan Kualiti Akademik & Akreditasi
Pusat Jaminan Kualiti
UPM
(cqa@upm.edu.my)
Edisi Kedua : Oktober 2022